



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 6 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	120 NELAYAN TERIMA SUMBANGAN SECARA PANDU LALU, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29	LAIN-LAIN
2.	RAYUAN NELAYAN SEDANG BERJALAN, BAGAIMANA MAHU TAMBAK?, DALAM NEGERI, UM -11	
3.	POTENSI JADI JELAPANG PADI KEDUA, DALAM NEGERI, UM -10	
4.	PKPS AGIH 52,000 AYAM SUBSIDI, NASIONA, SH -19	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	29

120 nelayan terima sumbangan secara pandu lalu

KEMAMAN - Anak syarikat kerajaan Terengganu, Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Berhad menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas dan wang tunai secara pandu lalu kepada 120 nelayan terjejas.

Ketua Pegawai Strategik Kumpulan EPIC, Noor Tuah Jaafar berkata, sumbangan itu di-

sampaikan menerusi Program EPIC Cakna dan Prihatin Edisi Khas Nelayan 2021.

“Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) EPIC untuk membantu rakyat Terengganu dikategorikan golongan miskin.

“Kesemua penerima menerima sumbangan RM100 serta barangan keperluan asas bernilai

RM100,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Katanya, program kali ini memberi fokus kepada golongan nelayan terjejas disebabkan musim tengkujuh dan Covid-19.

Program itu turut mendapat kerjasama Pejabat Ahli Dewan Undangan (ADUN) Kemasik dan Sabasun HyperRuncit Sdn Bhd.

Rayuan nelayan sedang berjalan, bagaimana mahu tambak?

GEORGETOWN: Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) mempersoalkan keyakinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memulakan projek tambak laut di perairan selatan negeri ini (PSR) pada hujung Mac atau awal April ini ketika banyak isu khususnya berkaitan kebajikan nelayan belum diselesaikan. Pengerusinya, Mahadi Md Rodzi berkata, projek itu juga ketika ini akan berdepan proses undang-undang apabila pihaknya mengemukakan rayuan terhadap kelulusan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Malah, jelas beliau, pihaknya juga sudah mendapat jawapan daripada Lembaga Rayuan Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhubung perkara itu yang memaklumkan satu jawatankuasa sudah dibentuk bagi menilai rayuan tersebut.

Tegasnya, berdasarkan surat itu, kes rayuan mereka akan didengar di Putrajaya pada 23, 25 dan 26 Mac ini sekali gus membayangkan adalah musta-

hil untuk projek PSR bermula hujung Mac atau awal April ini.

Jelas beliau, Kerajaan negeri Pulau Pinang dan pihak pemaju sepatutnya lebih tahu mengenai undang-undang itu apatah lagi Menteri Alam Sekitar dan Air, Tuan Ibrahim Tuan Man sendiri di Dewan Rakyat tahun lalu menegaskan, projek PSR tidak boleh dimulakan selagi isu berkaitan EIA tidak diselesaikan.

“Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu mencabar apa yang diputuskan oleh menteri dalam isu ini?”

“Seperti apa yang diyakinkan oleh peguam kami, jika projek itu diteruskan juga pada Mac atau April ini, maka kerajaan negeri sudah melanggar undang-undang,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Pada Julai 2019, JAS menerima bantahan bertulis berhubung projek tambakan laut itu daripada seramai 185 nelayan di Sungai Batu di sini yang kemudiannya difailkan menerusi firma guaman pada Ogos tahun lalu.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB), Datuk Seri Farizan Darus yakin dapat memulakan fasa pertama projek tambak laut di perairan selatan (PSR) negeri ini hujung Mac atau awal April meskipun masih menunggu kelulusan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP).

Dalam pada itu, Mahadi turut mempersoalkan tindakan kerajaan negeri mengemukakan mengenai pelaksanaan PSR.

Sedangkan, ujarnya, majoriti nelayan di kawasan terlibat menolak pampasan yang ditawarkan yang disfatkan tidak setimpal dengan taraf projek mega SPR yang mahu dilaksanakan serta kesan jangka masa panjang terhadap kehidupan mereka.

Dalam masa sama, beliau berharap tidak ada mana-mana pihak luar berurusan dengan para nelayan berhubung isu itu sebaliknya merujuk kepada peratuan nelayan bagi mengelak kekeliruan dan memastikan kebajikan nelayan terbela.

Melaka mampu bekul keperluan di selatan jika sistem pengairan sempurna

Potensi jadi jelapang padi kedua

Omah HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamula.com.my

MELAKA: Melaka berpotensi menjadi negeri jelapang padi kedua negara selepas Kedah jika infrastruktur pengairan sawah di negeri ini dibenarkan perhatian yang sewajarnya.

Meskipun tanaman padi hanya dibusahkan di tiga daerah sahaja iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin, namun Melaka Tengah memiliki kawasan penanaman terbesar bagi zon selatan dengan keluasan sawah kira-kira 1,500 hektar.

Keluasan tanah sawah itu mampu menghasilkan pengeluaran beras sebanyak dua kali setahun, sekali gus mampu menampung keperluan seluruh rakyat negeri ini tanpa perlu berharap sumber luar seperti beras import. Bagaimanapun, masalah sumber air yang terhad di Melaka Tengah yang mana rata-rata pesawah bergantung harap sepenuhnya pada air hujan mencetuskan pelbagai polemik daripada menyemai benih sehingga ke menuai hasil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Mohd. Shakirin Mohd. Zam menyatakan kekecawaannya berhubung kega-



MOHD. SHAKIRIN MOHD. ZAM bersama Musa Arif menunjukkan padi yang tering kerana tidak mencukupi air di Melaka Tengah. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

galan pihak berwajib menilai potensi besar daerah berkenaan. Beliau berkata, sumber tanah yang subur dan sesuai dengan pelbagai jenis benih padi, sistem

pengaliran air yang baik mampu meningkatkan lagi pengeluaran kepada empat kali setahun. Beliau berkata, dengan pertambahan itu, beras yang dikeluarkan

di Melaka Tengah mampu untuk menampung keperluan negeri-negeri lain khususnya di Selatan antaranya Johor dan Negeri Sembilan tanpa perlu bergantung ke-

pada pengeluaran sebelah utara.

"Melaka Tengah ada lebih kurang 1,500 hektar sawah yang terbesar di Selatan tetapi kami dianaktirikan. Masalah air bukan perkara baharu sebab sudah lama berpanjangan.

"Saya melihat negeri ini mampu menggalas tugas sebagai jelapang padi kedua negara. Paling tidak pun jelapang padi Selatan bagi membantu merungkai beban yang ditanggung oleh Kedah. "Pesawah di sini berharap sepenuhnya pada air hujan. Jadi jadual penanaman benih itu sedikit terganggu sebab kita kena tunggu hujan turun.

"Bila terlalu lambat kita tak boleh kejar untuk tanam dua kali setahun, jadi itu mendatangkan kerugian kepada pesawah," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pinang A, Batang Tiga di sini.

Dalam pada itu, salah seorang pesawah di daerah itu, Musa Arif berkata, Jabatan Pengairan dan Sahran (JPS) wajar melihat potensi tanaman padi di negeri itu.

Beliau berkata, meskipun telah ada tindakan untuk membina sistem pengaliran dengan nilai peruntukan RM6 juta, namun mekanisme pembiayannya dilihat tidak bersesuaian dan tidak berjaya menampung sepenuhnya keperluan di sini.

PKPS agih 52,000 ayam subsidi

PKPS pastikan rakyat Selangor memperoleh barangan segar pada harga berpatutan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN

KUALA SELANGOR.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah mengagihkan sebanyak 52,000 ayam subsidi di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor secara berperingkat bermula awal tahun ini.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulannya, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, sehingga kini sebanyak 4,000 ayam subsidi telah diagihkan di empat DUN di Selangor. Menurutnya, inisiatif di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PKPS, PKPS Prihatin bermula di DUN Sungai Tua, Pandan Indah, Batu Tiga dan Bukit Melawati.

"Program Ayam PKPS Prihatin ini akan diuruskan dengan kerjasama petugas di setiap pusat khidmat dan penyelaras DUN Selangor," katanya pada Program Bantuan Bakul Makanan Nelayan di Pusat Khidmat Rakyat DUN Bukit Melawati di sini pada Jumaat.

Mohamad Khairil berkata, inisiatif itu bertujuan memastikan rakyat Selangor mendapat akses secukupnya untuk makanan segar pada harga yang berpatutan.

"Kami mempunyai ladang ternakan ayam di Ulu Tinggi, Bestari Jaya yang mampu mengeluarkan sebanyak 550,000 ekor ayam dan mengambil masa selama 32 hari pada setiap pusingan," katanya.

Menurutnya ladang ayam itu mula beroperasi sejak tahun 2017 dan mengeluarkan hasil produktif sejak tahun ini.

"Inilah masa terbaik untuk rakyat menikmati hasil yang diusahakan PKPS. Keuntungan pengeluaran ayam ini kita pulangkan semula kepada rakyat terutama mereka yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain itu, PKPS juga menggerakkan beberapa inisiatif lain, antaranya program 'Food Truck' Selangor Agro Market yang menjual barangan segar seperti ikan dan daging.

"Kami juga menjual barang kering seperti tepung, gula, garam, minyak dan produk hasil daripada Selangor Fruits Valley," katanya.

Beliau berkata, harga barangan makanan segar yang ditawarkan melalui lori bergerak PKPS lebih murah sebanyak 30 peratus berbanding harga pasaran bagi meringankan beban pembeli.

Menurutnya, pendekatan itu bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan harian, malah mereka tidak perlu bersusah-payah ke pasar untuk membeli barangan basah.

"Orang ramai juga boleh mendapatkan barangan segar di Wisma PKPS di Seksyen 14, Shah Alam.

"Kami merancang untuk membuka sebuah lagi pusat jualan hasil produk pertanian dan barangan segar di Meru, Klang dalam tempoh dua bulan ini," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Khairil berkata, pihaknya turut membuka peluang kepada usahawan yang memiliki lori atau van untuk menjalankan perniagaan produk PKPS.

Menurutnya, iklan mengenai tawaran itu telah dibuka dan sehingga kini seramai 20 hingga 30 usahawan menyatakan minat untuk menyertai projek lori bergerak tersebut.

"Usahawan akan dibekalkan produk dari ladang PKPS untuk dijual kepada penduduk setempat.

"Kami akan menampal pelekat tertera logo perkhidmatan sebelum individu yang dipilih ini boleh beroperasi secara bergerak," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli menyambut baik inisiatif



Juwairiya (kanan) dan Mohamad Khairil bergambar bersama 'Food Truck' Selangor Agro Market yang menjual barangan segar pada harga 30 peratus lebih murah.

siatif dilakukan PKPS bagi membantu masyarakat kurang berkemampuan.

"Pujian harus diberikan kepada PKPS yang telah mengambil inisiatif seperti ini untuk turun padang dan menyampaikan bantuan kepada masyarakat.

"Pada hari ini, PKPS memberikan bantuan bukan sahaja subsidi ayam tetapi turut menyediakan lori PKPS prihatin yang menawarkan 30 peratus harga hasil pertanian pada harga lebih rendah kepada penduduk di Kuala Selangor," katanya.

REAKSI



Saya bersyukur kerana berpeluang menerima bantuan ini yang dapat meringankan

beban dan memberi kelegaan kepada kami terutama ketika tempoh PKP." - Sari rumah, Norizan Mahmud, 31.



Saya harap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana ia

sangat membantu penduduk terutama bagi mereka yang mempunyai tanggungan anak yang ramai." - Sari rumah, S Rajeswari, 42.



Juwairiya (dua dari kanan) dan Mohamad Khairil mengagihkan ayam peruma pada Program Bantuan Bakul Makanan Nelayan.



Orang ramai membeli barangan segar yang dijual PKPS menerusi program 'Food Truck' Selangor Agro Market.